



# KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan Tahun 1923)  
(KOPERASI KREDIT KAKITANGAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN GLC MALAYSIA)  
Blok A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre,  
Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur

## NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 99

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 99, Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad akan diadakan pada **29 Jun 2024 (Sabtu)** bersamaan **22 Zulhijjah 1445H jam 9.00 pagi** bertempat di **Ballroom 1, Level 1, Wyndham Acmar Klang Hotel, 1-G-1 Persiaran Bukit Raja 2/KU1, Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor.**

### AGENDA

1. Mengesah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 98 yang telah diadakan pada 24 Jun, 2023.
2. Menimbang Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Laporan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2023.
3. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit dan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2023 dan subsidiari-subsidiari Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad.
4. Memilih empat (4) orang Anggota Lembaga untuk tempoh tiga (3) tahun mengikut giliran di bawah fasal (1)(2) UUK 38 dan satu (1) orang untuk tempoh satu (1) tahun bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga di bawah fasal (4) UUK 38.
5. Menimbang dan meluluskan kajian semula belanjawan tahun 2024 dan anggaran belanjawan tahun 2025 serta subsidiari-subsidiari koperasi.
6. Meluluskan elaun kepada Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengerusi dan Setiausaha Kawasan serta saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari atau subsidiari-subsidiari Koperasi.
7. Meluluskan pelantikan tidak lebih empat (4) panel firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan koperasi tidak lebih RM 100 juta bagi tahun 2024 dan 2025 serta menetapkan had keterhutangan pinjaman luar tidak lebih RM 100 juta pada kadar faedah semasa pasaran.
9. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 99.
10. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.

Dengan Perintah  
**Lembaga Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad**

  
**MAS'UD B. HUSAIN**  
PENGERUSI KOSWIP

Kuala Lumpur  
Bertarikh : 12 Jun 2024  
5 Zulhijjah 1445H

sk  
i. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Negeri Selangor.

Nota : Buku Laporan Tahunan 2023 untuk Perwakilan akan diedar melalui Pengerusi dan Setiausaha Kawasan masing-masing.